

21 APR 2003

PETRONAS MINTA BINTULU PORT KURANGKAN CAJ LNG

Oleh:Azman Ujang

BINTULU, 21 April (Bernama) -- Petroliam Nasional Bhd (Petronas) sedang berunding dengan Bintulu Port Sdn Bhd untuk mengurangkan caj pelabuhan bagi kapal-kapal tangki syarikat minyak negara itu yang membawa gas asli cecair (LNG) ke pasaran eksport.

Ketua pegawai eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, berkata pelabuhan itu kini mengenakan caj RM800,000 bagi satu kapal tangki yang keluar dari pelabuhan. Ia merupakan caj paling tinggi di dunia.

Dengan lebih banyak pengeluaran LNG menyertai pasaran bagi memenuhi permintaan dunia yang bertambah, pengurangan caj pelabuhan boleh membantu memastikan eksport LNG Malaysia terus berdaya saing, katanya kepada sekumpulan wartawan yang dibawa melawat kompleks Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG), di sini. MLNG adalah anak syarikat Petronas.

Dengan 400 penghantaran setahun, kebanyakannya kepada para pembeli di Jepun, Taiwan dan Korea Selatan, pelabuhan itu mencatat pendapatan kira-kira RM320 juta dari MNLG sahaja.

"Caj pelabuhan yang kami bayar di lokasi penerima Tokyo Gas and Electric Co. adalah lebih rendah," kata Mohd Hassan.

Beliau berkata dengan industri LNG menjadi semakin berdaya saing dan dengan kemunculan pemain baru, pengurangan caj pelabuhan adalah demi kepentingan nasional.

"Ia akan mengambil masa tetapi kami mengharapkan situasi sama-sama menang," katanya apabila ditanya tentang peluang pelabuhan itu mengurangkan cajnya.

Malaysia telah mengeluarkan LNG sejak 20 tahun lepas dan bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah, MLNG telah memulakan operasi di loji ketiganya di sini tiga minggu lepas.

Loji baru itu dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad pada 8 Mei ini. Ia akan menjadikan Petronas sebagai pengeluar terbesar LNG di kalangan syarikat minyak dunia.

Pengeluaran 16.5 juta tonne LNG oleh Malaysia adalah yang ketiga terbesar di dunia.

LNG membawa pendapatan RM12.4 bilion tahun lepas kepada negara, iaitu 5.6 peratus daripada keluaran negara kasar (KNK). -- BERNAMA

AU MR JR